

Bayi melecur di rumah pengasuh

Metro

29/9/14 MS10

Melaka: Seorang bayi perempuan berusia 10 bulan melecur teruk di sebahagian punggungnya dipercayai didera pengasuhnya dalam kejadian di sebuah taman perumahan di Tangga Batu, dekat sini, Selasa lalu.

Sebahagian punggung bayi itu dipercayai dicucuh dengan benda panas sehingga melecur ketika dijaga pengasuhnya.

Bapa bayi itu yang hanya mahu dikenali sebagai Asmadi, 28, mendakwa, bayinya itu dihantar ke rumah pengasuh oleh isterinya seperti biasa sebelum ke tempat kerja pagi Selasa lalu.

"Isteri menjemput anak kami itu di rumah pengasuh jam 6.50 petang dan ketika dalam perjalanan pulang, dia kelihatan merenggek dan gelisah.

"Sebaik tiba di rumah, bapa mendukung anak saya sebelum tiba-tiba meraung kesakitan apabila punggungnya disentuh. Pelik dengan perkara itu, bapa menyalak lampin pakai buang sebelum melihat kesan seolah-olah terbakar di punggung anak," katanya, di sini, semalam.



KEADAAN punggung bayi dipercayai didera pengasuhnya.

Asmadi yang juga anggota pasukan keselamatan berkata, dia terus ke rumah pengasuh anaknya untuk mendapatkan penjelasan, tetapi malangnya wanita itu mendakwa punggung bayinya sudah melecur ketika dihantar pada pagi kejadian.

"Saya membawa anak ke klinik swasta untuk rawatan dan doktor yang melakukan

pemeriksaan mendakwa punggung anak saya melecur teruk hingga kulitnya mengelupas sebelum dirujuk ke Hospital Melaka.

"Doktor di Hospital Melaka yang melakukan pemeriksaan pula memaklumkan punggung anak saya berkeungkinan dicucuh dengan penggosok baju atau benda panas lain sebelum disarung

dengan lampin pakai buang," katanya.

Menurutnya, dia tidak menyangka perkara itu berlaku terhadap anaknya dan membuat laporan polis di Pondok Polis Hospital Melaka jam 12 tengah malam hari sama.

Selain bayi itu, seorang lagi anak perempuan Asmadi yang berusia dua setengah tahun turut dijaga pengasuh berkenaan.

Sementara itu, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah negeri Asisten Komisioner Raja Shahrom Raja Abdullah mengesahkan menerima laporan dibuat bapa mangsa.

"Bertindak atas laporan itu, polis menahan seorang wanita berusia 30 tahun di rumahnya jam 2.40 petang Rabu lalu bagi membantu siasatan. Wanita itu dibebaskan dengan jaminan polis pada Jumaat lalu.

"Pemeriksaan pada tubuh bayi itu mendapati sebahagian punggungnya mempunyai kesan melecur dan terbakar. Kes disiasat mengikut Seksyen 31 (1) Akta Kanak-Kanak 2001," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.